A **AHMAD RADZI SHARBAINI**

lwn.

HJ AHMAT MOHAAYEN HJ SAAD & SATU LAGI

B MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
SURAYA OTHMAN H
[GUAMAN SIVIL NO: MT1-22-969-2008]
3 MAC 2014

C ***PROSEDUR SIVIL:*** *Deklarasi - Permohonan - Penganiayaan terhadap plaintif secara tidak adil - Penolakan jawatan yang dipohon - Defendan pertama merupakan salah seorang ahli panel yang mengendalikan temuduga - Sama ada defendan pertama berdendam terhadap plaintif - Sama ada dibuktikan - Sama ada defendan pertama*
D *menindas plaintif - Sama ada keputusan untuk tidak melantik plaintif terletak pada tangan defendan pertama - Sama ada terdapat kes untuk dijawab oleh pihak defendan - Sama ada permohonan plaintif dibenarkan - Akta Keterangan 1950, ss. 94 & 154*

E ***KETERANGAN:*** *Saksi - Soal balas saksi sendiri - Saksi plaintif - Ujian kebenaran keterangan saksi - Sama ada saksi bercakap benar - Sama ada keterangan-keterangan saksi menyokong kes plaintif - Sama ada keterangan-keterangan saksi diterima - Akta Keterangan 1950, s. 154*

F Tuntutan plaintif adalah berkenaan penolakan jawatan yang dipohon olehnya sebagai pemandu kenderaan bermotor daripada defendan kedua, Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Plaintif menghujahkan bahawa dia tidak ditawarkan jawatan tersebut kerana defendan pertama, yang merupakan salah seorang daripada
G ahli panel yang mengendalikan temuduga tersebut, mempunyai rasa marah dan dendam terhadap plaintif dan isterinya. Perasaan tersebut kononnya timbul apabila isteri plaintif, yang juga merupakan pekerja defendan kedua, memohon pertukaran unit kuarters tetapi permohonan tersebut tidak diluluskan. Isteri plaintif
H telah membuat rayuan kepada defendan pertama tetapi telah ditawarkan dengan unit kuarters yang berlainan daripada apa yang dipohon. Akhirnya, rayuan isteri plaintif kepada Datuk Yang Dipertua defendan kedua telah dibenarkan dan mereka telah berpindah ke unit yang dipohon. Berkenaan ini, plaintif mendakwa
I bahawa defendan pertama telah menyimpan perasaan dendam terhadap plaintif atas isu pertukaran unit kuarters tersebut dan telah menggunakan kedudukannya sebagai penemuduga dan pemegang jawatan di defendan kedua untuk mendiskriminasi

keputusan temuduga plaintif. Selanjutnya, plaintif menyatakan bahawa timbalan pengarah sumber manusia defendan kedua ('Puan Sharinaz'), yang juga merupakan saksi plaintif dalam tindakan ini, telah memaklumkan isteri plaintif bahawa defendan pertama telah mengarahkannya untuk mengeluarkan nama plaintif daripada senarai calon-calon yang telah ditemuduga dan enggan untuk menawarkan pekerjaan tersebut kepada plaintif. Oleh itu, plaintif memohon, antara lain, (a) satu deklarasi bahawa defendan-defendan telah mendiskriminasikan plaintif secara tidak adil semasa dan/atau selepas plaintif membuat pemohonan dan menghadiri temuduga; (b) ganti rugi am; dan (c) ganti rugi teladan. Sebaliknya, pihak defendan menghujahkan bahawa plaintif tidak ditawarkan pekerjaan tersebut atas sebab penampilan serta jawapan plaintif yang tidak meyakinkan semasa sesi temuduga. Isu-isu yang dibangkitkan untuk pertimbangan adalah (i) sama ada defendan pertama mempunyai perasaan dendam terhadap plaintif dan isterinya atas insiden permohonan pertukaran unit kuarters; dan (ii) sama ada defendan pertama telah menindas dan/atau mendiskriminasikan plaintif secara tidak adil. Pada akhir kes plaintif, pihak defendan telah menghujahkan bahawa tiada kes untuk dijawab dan tidak memanggil mana-mana saksi.

Diputuskan (menolak tuntutan plaintif dengan kos; tiada kes untuk dijawab oleh defendan-defendan):

(1) Apabila hujahan tiada kes untuk dijawab dibuat oleh defendan, pendekatan yang betul atau harus dibuat oleh mahkamah adalah menilai sama ada pihak plaintif telah berjaya membuktikan kesnya atas imbangan kebarangkalian (*Subry Hamid v. Husaini Tan Sri Ikhwan & Anor*; dirujuk). Untuk menguji sama ada terdapat kes untuk dijawab, kesemua keterangan yang diberikan mestilah dianggap sebagai benar (*Wasakah Singh v. Bachan Singh*; dirujuk). (perenggan 11 & 15)

(2) Pihak defendan telah menangani isu pertukaran unit kuarters dengan cara yang munasabah. Seseorang itu tidak boleh mengharapkan bahawa sesuatu permohonan akan diluluskan jika unit yang dipohon tiada kekosongan. Dakwaan plaintif dan isterinya bahawa defendan pertama bersikap buruk semasa pertemuan mereka adalah sekadar dakwaan semata-mata kerana tiada bukti kukuh untuk menyokong dakwaan tersebut, sama ada melalui keterangan saksi atau dokumentar yang diketengahkan. (perenggan 22)

A **(3)** Adalah jelas daripada tindakan defendan-defendan bahawa mereka tidak pernah menolak permohonan isteri plaintif malah telah menawarkan unit berlainan pada awalnya. Akhirnya, permohonan isteri plaintif telah berjaya di mana kelulusan telah diberi dan ditandatangani oleh defendan pertama sendiri
B setelah unit yang dipohon disahkan kosong. Isu berkenaan pertukaran unit adalah antara isteri plaintif dan pihak defendan. Ia tidak melibatkan plaintif secara langsung. Oleh itu, jika diteliti atas imbangan kebarangkalian, plaintif gagal membuktikan bahawa terdapat unsur-unsur dendam oleh defendan pertama
C terhadap plaintif. (perenggan 22 & 24)

(4) Keputusan sesuatu temuduga, sama ada seseorang calon harus ditawarkan sesuatu pekerjaan yang dipohon bukanlah hanya bergantung semata-mata kepada kelayakan calon tersebut.
D Defendan-defendan adalah pihak yang mempunyai kuasa dan budi bicara dalam proses menemuduga calon-calon pekerja mereka. Namun, keputusan untuk tidak melantik plaintif tidak terletak pada tangan defendan pertama tetapi bergantung kepada keputusan pihak berkuasa melantik. Oleh itu, defendan
E pertama tidak mempunyai kuasa untuk tidak melantik plaintif. (perenggan 27)

(5) Catatan dalam laporan keputusan temuduga telah mengesyorkan, antara lain, bahawa plaintif tidak dilantik kerana
F penampilan dirinya semasa temuduga adalah tidak kemas. Catatan tersebut disokong oleh Puan Sharinaz semasa pemeriksaan balas di mana dia mengesahkan bahawa plaintif hadir ke sesi temuduga dengan hanya memakai seluar 'jeans' dan 't-shirt'. Dalam keadaan ini, s. 94 Akta Keterangan 1950
G adalah terpakai. (perenggan 29)

(6) Puan Sharinaz telah disoal balas oleh peguam plaintif di bawah s. 154 Akta Keterangan 1950 untuk menguji kebenaran keterangan saksi tersebut. Didapati bahawa Puan Sharinaz berhasrat untuk bercakap benar dan keterangannya telah
H diterima. Puan Sharinaz tidak menyokong kes plaintif dan menafikan bahawa defendan pertama telah mendiskriminasi keputusan temuduga plaintif. Oleh itu, jelas bahawa kenyataan plantif tidak disokong oleh Puan Sharinaz. (perenggan 27, 31 & 36)

I

(7) Tiada kes untuk dijawab oleh defendan-defendan kerana atas imbangan kebarangkalian, plaintif telah gagal untuk membuktikan kesnya terhadap pihak defendan. Mengambilkira keadaan plaintif yang merupakan seorang pemandu teksi, kos sebanyak RM5,000 diperintah untuk dibayar kepada pihak defendan. Jika jumlah kos tinggi dibenarkan, ia akan membebankan plaintif. (perenggan 38 & 41)

Kes-kes yang dirujuk:

Fivestar Development (Puchong) Sdn Bhd v. Charles Winston WTL Van Der Slott [2011] 1 LNS 1253 HC ***(dirujuk)***

Jaafar Shaari & Siti Jama Hashim v. Tan Lip Eng & Anor [1997] 4 CLJ 509 SC ***(dirujuk)***

Lau Choo Seng v. Chong Wei Kee & Anor [2011] 7 CLJ 627 HC ***(dirujuk)***

Lim Teng Leng v. PP [1998] 5 CLJ 400 HC ***(dirujuk)***

PP v. Azizul Abdul Aziz [2009] 1 LNS 1354 HC ***(dirujuk)***

Subry Hamid v. Husaini Tan Sri lkhwan & Anor [2006] 4 CLJ 50 CA ***(dirujuk)***

Wasakah Singh v. Bachan Singh [1931] 1 MC 125 ***(dirujuk)***

Yoong Sze Fatt v. Pengkalen Securities Sdn Bhd [2010] 1 CLJ 484 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Evidence Act 1950, ss. 94, 154

Bagi pihak plaintif - LS Leonard (R Thanasegaran bersamanya); T/n Chambers of Firdaus

Bagi pihak defendan-defendan - Sumita Gnanarajah (Yasmine Razali bersamanya); T/n Rusmah Arunan & Assocs

Dilaporkan oleh Kumitha Abd Majid

PENGHAKIMAN

Suraya Othman H:

Fakta Kes

[1] Plaintif, Encik Ahmad Radzi bin Sharbaini, telah memohon untuk jawatan pemandu kenderaan bermotor dengan defendan kedua, Majlis Bandaraya Petaling Jaya ('MBPJ') dan telah dipanggil untuk satu sesi temuduga pada 18 Januari 2006. Salah seorang daripada ahli panel yang mengendalikan temuduga tersebut adalah defendan pertama, Tuan Hj Ahmat Mohaayen bin Hj Saad yang juga merupakan timbalan setiausaha dalam Jabatan Khidmat

Pengurusan di MBPJ. Plaintif gagal dalam temuduga tersebut dan tidak ditawarkan untuk bekerja dengan MBPJ untuk jawatan yang dipohon.

[2] Plaintif mendakwa bahawa terdapat unsur-unsur penganiayaan dan diskriminasi terhadap plaintif di atas kegagalan mendapat pekerjaan tersebut.

Asas Tuntutan Plaintif

[3] Pihak plaintif diwakili oleh Encik LS Leonard dan Encik R Thanasegaran. Di antara hujah-hujah yang dikemukakan plaintif adalah seperti berikut:

(i) Plaintif menyatakan bahawa plaintif tidak ditawarkan jawatan tersebut atas sebab bahawa Tuan Hj Ahmat Mohaayen menyimpan dendam terhadap plaintif dan keluarganya berhubung isu pertukaran unit kuarters di MBPJ. Isu tersebut timbul apabila isteri plaintif, Puan Rodah binti Minhat, (PW2), yang juga merupakan pekerja MBPJ, memohon untuk pertukaran unit kuarters atas sebab-sebab tertentu tetapi permohonan tersebut tidak diluluskan. Sehubungan itu, plaintif dan isterinya telah membuat rayuan kepada Datuk Yang Dipertua MBPJ. Plaintif dan isterinya kemudiannya dapat berpindah ke unit yang dipohon. Plaintif mendakwa bahawa Tuan Hj Ahmat Mohaayen telah memarahi dan menyimpan dendam terhadap plaintif dan isterinya atas rayuan tersebut atas alasan kononnya ianya telah memalukan dan menjatuhkan maruah beliau.

(ii) Plaintif menyatakan bahawa kesemua calon yang ditemuduga untuk jawatan tersebut berjaya di dalam temuduga dan telah ditawarkan pekerjaan dengan MBPJ kecuali plaintif. Plaintif menyatakan tidak dimaklumkan secara rasmi tentang keputusan temuduga tersebut dan hanya mendapat satu surat bertarikh 12 April 2006 daripada Jabatan Khidmat Pengurusan MBPJ setelah aduan dibuat oleh plaintif akan perkara tersebut pada program Hari Bertemu Pelanggan anjuran MBPJ.

(iii) Plaintif mengatakan bahawa isteri beliau, (PW2), dimaklumkan oleh timbalan pengarah sumber manusia MBPJ, iaitu Puan Sharinaz bt Hj Samsudin (PW5) bahawa Tuan Haji Ahmat Mohaayen telah mengarahkan Puan Sharinaz untuk mengeluarkan nama plaintif daripada senarai calon-calon yang telah ditemuduga dan dengan sengaja tanpa sebarang alasan telah enggan menawarkan pekerjaan tersebut kepada plaintif.

Tuntutan Plaintif

[4] Oleh itu plaintif memohon:

(i) Satu deklarasi bahawa Tuan Hj Ahmat Mohaayen dan MBPJ telah menganiaya dan/atau menindas dan/atau mensabotaj dan/atau mendiskriminasikan plaintif secara tidak adil semasa dan/atau selepas plaintif membuat permohonan dan menghadiri temuduga untuk jawatan pemandu kenderaan bermotor di MBPJ.

(ii) Gantirugi am sebanyak RM100,000.

(iii) Gantirugi teladan sebanyak RM100,000.

Pembelaan Defendan-Defendan

[5] Pihak defendan-defendan, Tuan Hj Ahmat Mohaayen dan MBPJ diwakili oleh Puan Sumita Gnanarajah dan Cik Yasmine Razali. Di antara hujah-hujah yang dikemukakan defendan-defendan adalah seperti berikut:

(i) Defendan-defendan menyatakan bahawa plaintif tidak ditawarkan pekerjaan tersebut atas sebab penampilan serta jawapan plaintif yang tidak menyakinkan semasa sesi temuduga. Defendan-defendan merasakan bahawa plaintif tidak menunjukkan sikap kesungguhan semasa temuduga dan hal tersebut telah menyebabkan plaintif tidak disyorkan untuk jawatan tersebut. Defendan-defendan menafikan sebarang unsur niat jahat ("*mala fide*") dan menyatakan bahawa keputusan untuk tidak mengambil plaintif sebagai pekerja adalah semata-mata berdasarkan keputusan temuduga.

(ii) Defendan-defendan menyatakan bahawa mereka telah menangani permohonan pertukaran unit kuarters isteri plaintif dengan cara yang bersesuaian dan munasabah. Penolakan permohonan tersebut adalah atas sebab tiada kekosongan unit. Permohonan/rayuan isteri plaintif telah diluluskan sejurus sahaja terdapat kekosongan unit. Defendan-defendan menyatakan bahawa tidak timbul isu dendam terhadap plaintif dan keluarga plaintif.

Isu-isu Yang Dibincangkan

[6] Sama ada defendan pertama, Tuan Hj Ahmat Mohaayen berdendam terhadap plaintif dan isteri beliau atas insiden permohonan pertukaran unit kuarters.

[7] Sama ada Tuan Hj Ahmat Mohaayen telah menganiaya dan/atau menindas dan/atau mensabotaj dan/atau mendiskriminasi plaintif secara tidak adil.

Keputusan Mahkamah

[8] Kes telah dibicarakan di hadapan saya selama empat hari. Pihak plaintif telah diwakili oleh Encik LS Leonard dan dibantu oleh Encik R Thanasegaran. Pihak defendan-defendan pula telah diwakili oleh Puan Sumita Gnanarajah dan dibantu oleh Cik Yasmine Razali.

[9] Pihak plaintif telah memanggil lima orang saksi. Saksi plaintif yang kelima, ('PW5'), telah dibenarkan oleh mahkamah untuk disoal-balas oleh peguam plaintif di bawah s. 154 Akta Keterangan 1950 (Akta 56) bagi menilai atau menguji sama ada PW5 berhasrat untuk bercakap benar ("desires to tell the truth"). Pihak plaintif telah menutup kes selepas lima saksi telah memberi keterangan.

[10] Pada akhir kes plaintif, pihak defendan-defendan telah berhujah bahawa tiada kes untuk dijawab ("no case to answer") dan tidak memanggil mana-mana saksi.

Kes Plaintif Di Atas Imbangan Kebarangkalian

[11] Menurut kes Mahkamah Rayuan *Subry Hamid v. Husaini Tan Sri lkhwan & Anor* [2006] 4 CLJ 50, apabila hujahan tiada kes untuk dijawab ("no case to answer") dibuat oleh defendan, pendekatan yang betul atau harus dibuat oleh mahkamah adalah menilai sama ada pihak plaintif telah berjaya membuktikan kesnya pada imbangan kebarangkalian:

> The test to be applied in a case where a submission of no case is made out was set out as follows in *Miller (t/a Waterloo Plant) v. Cawley*:
>
> > Where a defendant was put to his or her election and elected to call no evidence, the issue was not whether there was any real or reasonable prospect that the claimant's case might be made out or any case fit to go before the jury or judge of fact. Rather, it was the straightforward issue, arising in any trial after all the evidence had been called, namely, whether or not the claimant had established his or her case on the balance of probabilities.

[12] Di dalam kes *Fivestar Development (Puchong) Sdn Bhd v. Charles Winston WTL Van Der Slott* [2011] 1 LNS 1253, Hakim Mahkamah Tinggi telah merujuk kepada kes Mahkamah Rayuan di

atas dan kes Mahkamah Persekutuan, *Jaafar Shaari & Siti Jama Hashim v. Tan Lip Eng & Anor* [1997] 4 CLJ 509 dan telah memutuskan sedemikian:

> Applying the cases cited above, where the defendant call on evidence, it does not automatically follow that a plaintiff will succeed in its claim. Rather, the court will examine the evidence of the plaintiff and the documentary evidence tendered to the court to see if the plaintiff has succeeded in making out a case on a balance of probabilities.

[13] Di dalam kes *Lau Choo Seng v. Chong Wei Kee & Anor* [2011] 7 CLJ 627, pendekatan sama telah diikuti:

> Applying the authorities cited above, the court will examine the evidence of the plaintiff and the documentary evidence tendered to the court to see if the plaintiff has succeeded in making out a case ... on a balance of probabilities.

[14] Di dalam kes *Yoong Sze Fatt v. Pengkalen Securities Sdn Bhd* [2010] 1 CLJ 484 pendekatan ini dihuraikan sedemikian:

> Having considered the arguments of counsel on both sides and the authorities cited by them, I am of the opinion that the following guidelines may be taken as well settled. At the close of the plaintiff's case, the first defendant chose to submit that there was no case to answer and preferred not to call witnesses. It was a perilous course to take simply because all the evidence adduced by the plaintiff must be presumed to be correct. It is a sound general rule that a judge should not consider a submission of no case to answer unless the defendant (here the first defendant) agrees not to call any evidence, whatever the outcome of the submission. Thus, where a defendant is put to his election and elects not to call evidence, just like the present appeal, the result is this. That the trial is in effect truncated and the question for the judge to consider is whether the plaintiff has established his case by the evidence called on the balance of probabilities. If the plaintiff has done so, then the judgment should be given to the plaintiff. If the plaintiff has not done so, then the judgment should be given to the defendant. If the judge chooses the latter course of action and gives judgment to the defendant, the judge may indeed be of the view that there is no case for the defendant to answer. But such a judgment should not be given unless the judge finds that the plaintiff has not established his case by the evidence adduced on the balance of probabilities.

[15] Kes *Wasakah Singh v. Bachan Singh* [1931] 1 MC 125 pula menyatakan bahawa bagi tujuan untuk menguji sama ada terdapat kes untuk dijawab ("whether there is a case to answer"), kesemua

keterangan yang diberikan mestilah dianggap sebagai benar. Pendekatan yang sama juga diikuti di dalam kes *Yoong Sze Fatt (supra)*:

> If the party on whom the burden of proof lies gives or calls evidence which, if it is believed, is sufficient to prove his case, then the Judge is bound to call upon the other party and has no power to hold that the first party has failed to prove his case merely because the Judge does not believe his evidence. At this stage, the truth or falsity of the evidence is immaterial. For the purpose of testing whether there is a case to answer, all the evidence must be presumed to be true.

[16] Berbalik kepada kes di hadapan saya. Kes plaintif adalah berpusatkan dakwaan plaintif bahawa beliau tidak ditawarkan pekerjaan yang dipohon dengan MBPJ atas sebab Tuan Hj Ahmat Mohaayen menyimpan dendam terhadap plaintif atas isu pertukaran unit kuarters keluarga plaintif.

Isu Pertama

Sama Ada Defendan Pertama, Tuan Hj Ahmat Mohaayen Berdendam Terhadap Plaintif Dan Isteri Beliau Atas Insiden Permohonan Pertukaran Unit Kuarters

[17] Isteri plaintif, Puan Rodah binti Minhat ('PW2'), merupakan pekerja MBPJ dan oleh itu plaintif sekeluarga menduduki rumah kuarters MBPJ ('unit 513'). Pada persekitaran bulan Julai 2004, isteri plaintif telah memohon pertukaran ke unit kuarters ('unit 116C') atas beberapa sebab namun permohonan tersebut tidak diluluskan kerana tiada kekosongan (ms. 29 CBD).

[18] Isteri plaintif membuat rayuan kepada Tuan Hj Ahmat Mohaayen pada persekitaran bulan Oktober 2005 untuk pertukaran unit kuarters dan permohonan rayuan tersebut diluluskan tetapi isteri plaintif ditawarkan unit kuarters yang berlainan dari yang dipohon ('unit 212') (ms. 36 CBD).

[19] Rayuan dibuat semula sebanyak dua kali oleh isteri plaintif di dalam persekitaran bulan Oktober 2005 menyatakan penolakan tawaran unit kuarters dari Tuan Hj Ahmat Mohaayen dan memohon untuk ditukarkan ke unit 116C ('rayuan kedua') atau unit 115C ('rayuan ketiga').

[20] Pada persekitaran bulan November 2005, permohonan/rayuan isteri plaintif diluluskan dan plaintif sekeluarga ditawarkan untuk berpindah ke unit 115C.

[21] Plaintif menyatakan telah membuat rayuan kepada Datuk Yang Dipertua MBPJ, Datuk Ahmad Termizi Hj Puteh dan bahawa Datuk Yang Dipertua telah menyokong rayuan tersebut. (soalan 10 penyata keterangan saksi PW1) (tiada dokumen rujukan di dalam CBD).

[22] Plaintif juga menyatakan bahawa plaintif sekeluarga telah berjumpa dengan Tuan Hj Ahmat Mohaayen untuk mengetahui keputusan permohonan pertukaran tersebut tetapi telah dimarahi dan disindir oleh beliau (soalan 11 penyata keterangan saksi PW1).

[23] Dari fakta-fakta kes ini, saya berpandangan bahawa defendan-defendan telah menangani isu pertukaran unit kuarters dengan cara yang munasabah. Seseorang itu tidaklah boleh mengharapkan bahawa sesuatu permohonan itu akan diluluskan jika unit yang dipohon tiada kekosongan. ("one cannot expect for an application to be approved if the unit applied for is not available"). Dakwaan plaintif dan isteri plaintif, Puan Rodah bte Minhat, bahawa Tuan Hj Ahmat Mohaayen bersikap buruk terhadap kedua-dua mereka pada pertemuan tersebut adalah sekadar dakwaan semata-mata kerana tiada bukti kukuh untuk menyokong dakwaan tersebut sama ada melalui keterangan saksi atau dokumentar telah diketengahkan. Walaupun begitu, defendan-defendan telah cuba memenuhi permohonan isteri plaintif dan ianya jelas dari tindak tanduk defendan-defendan yang tidak pernah menolak permohonan isteri plaintf malah menawarkan unit 212 pada awalnya (ms. 36 CBD). Pada akhirnya, permohonan isteri plaintif berjaya. la diluluskan dan ditandatangani oleh Tuan Hj Ahmat Mohaayen sendiri setelah unit yang dipohon disahkan kosong – unit 115C (ms. 39 CBD).

[24] Selain itu, isu berkenaan pertukaran unit ini adalah di antara isteri plaintif dan defendan-defendan dan tidak melibatkan plaintif secara langsung. Oleh itu, jika diteliti di atas keimbangan kebarangkalian, plaintif gagal membuktikan terdapat unsur-unsur dendam oleh Tuan Hj Ahmat Mohaayen terhadap plaintif.

Isu Kedua

Sama Ada Tuan Haji Ahmat Mohaayen Telah Menganiayai Dan/Atau Menindas Dan/Atau Mensabotaj Dan/Atau Mendiskriminasi Plaintif Secara Tidak Adil

[25] Plaintif menyatakan bahawa beliau mempunyai kelayakan yang sepatutnya atau secukupnya untuk jawatan yang dipohon dan oleh itu seharusnya plaintif ditawarkan jawatan tersebut. Plaintif juga

mengatakan bahawa kesemua calon yang hadir untuk temuduga telah ditawarkan pekerjaan yang dipohon kecuali plaintif.

[26] Plaintif berhujah bahawa Tuan Hj Ahmat Mohaayen telah menggunakan kedudukan beliau sebagai penemuduga dan pemegang jawatan di MBPJ untuk mendiskriminasi dan mensabotaj keputusan temuduga plaintif oleh sebab beliau tahu akan status plaintif sebagai suami kepada Puan Rodah Minhat dan oleh kerana itu, tidak mahu menawarkan pekerjaan tersebut kepada plaintif.

[27] Plaintif menyatakan bahawa beliau mengetahui akan hal Tuan Haji Ahmat Mohaayen mensabotaj keputusan temuduga apabila dimaklumkan oleh timbalan pengarah sumber manusia MBPJ, Puan Sharinaz bt Hj Samsudin (PW5) (soalan 20 & 21 penyata keterangan saksi PW1 dan soalan 26 dan 27 penyata keterangan saksi PW2). Namun, berdasarkan keterangan Puan Sharinaz (sebagai PW5), beliau menafikan bahawa Tuan Hj Ahmat Mohaayen telah mensabotaj/mendiskriminasi keputusan temuduga plaintif. Oleh itu, ianya jelas bahawa kenyataan plaintif tidak disokong oleh Puan Sharinaz.

[28] Pada pendapat saya, keputusan sesuatu temuduga; sama ada seseorang calon harus ditawarkan sesuatu pekerjaan yang dipohon bukanlah hanya bergantung semata-mata kepada kelayakan calon tersebut. Lazimnya, sesi temuduga akan diadakan untuk membolehkan majikan menilai keperibadian, perwatakan dan pembawakan diri seseorang calon itu. Hal ini adalah penting bagi majikan memutuskan calon yang paling sesuai untuk sesuatu jawatan. Dalam kes ini, dakwaan plaintif sukar untuk dibuktikan kerana defendan-defendan adalah pihak yang mempunyai kuasa dan budibicara dalam proses menemuduga calon-calon pekerja mereka. Namun begitu, keputusan untuk tidak melantik plaintif tidak terletak di tangan Tuan Hj Ahmat Mohaayen tetapi bergantung kepada keputusan Pihak Berkuasa Melantik. Oleh itu, Tuan Hj Ahmat Mohaayen tidak mempunyai kuasa untuk tidak melantik plaintif sebagaimana yang didakwa oleh plaintif. Kenyataan ini disokong oleh saksi plaintif, Encik Amir bin Tukiman, (PW4) yang juga merupakan ahli panel temuduga plaintif pada hari tersebut. (soalan 22, 30 dan 31 pemeriksaan balas saksi PW4).

[29] Selain dari itu, catatan di dalam laporan keputusan temuduga yang disediakan untuk rujukan Pihak Berkuasa Melantik (ms. 175 CBD) telah mengesyorkan bahawa plaintif "tidak dilantik kerana penampilan diri semasa temuduga tidak kemas (berpakaian tidak sesuai)" dan ketika temuduga diadakan, plaintif menjawab

pertanyaan panel secara teragak-agak dan ianya menggambarkan plaintif tidak bersungguh-sungguh. Catatan di dalam dokumen ini disokong oleh Puan Sharinaz (PW5) dalam pemeriksaan balas beliau yang mengesahkan bahawa plaintif hadir ke sesi temuduga dengan hanya memakai seluar "jeans" dan baju t ("t-shirt"). Di dalam keadaan ini, s. 94 Akta Keterangan 1950 (Akta 56) adalah terpakai.

[30] Seksyen 94 berbunyi sedemikian:

> 94. Exclusion of evidence against application of document to existing facts
>
> When language used in a document is plain in itself and when it applies accurately to existing facts, evidence may not be given to show that it was not meant to apply to such facts.

[31] Berkaitan keterangan Puan Sharinaz (PW5), beliau merupakan saksi plaintif yang telah dibenarkan oleh saya untuk disoal-balas oleh peguam plaintif di bawah s. 154 Akta Keterangan 1950 (Akta 56) untuk menguji kebenaran cakap ("test the veracity") saksi tersebut.

[32] Seksyen 154 berbunyi sedemikian:

> 154. Question by party to his own witness
>
> The court may, in its discretion, permit the person who calls a witness to put any questions to him which might be put in cross-examination by the adverse party.

[33] Di dalam kes *PP v. Azizul Abdul Aziz* [2009] 1 LNS 1354; [2010] 7 MLJ, di ms. 455, mahkamah berpendapat:

> The object of the cross-examination under section 154 of the Evidence Act is only to test the veracity of the witness. The grant of the permission to cross-examine is not an adjudication by the court adverse to the veracity of the witness. Whether the testimony of the witness should be rejected in whole or in part depends on the result of the cross-examination.

[34] Di dalam kes *Lim Teng Leng v. PP* [1998] 5 CLJ 400, Hakim Ian HC Chin H merujuk kepada buku teks *Woodroffe & Syed on Law of Evidence*, 15th edn., dan berkata sedemikian:

> The said authors, at p. 819, remarked that the discretion is wide and unfettered, *viz*:

A

> The discretion of the court under section 154 is wide and unfettered; it does not depend upon hostility. The discretion should be exercised liberally whenever it appears to court that due to the demeanour, attitude, way for answering question of the witness or the tenor of his answers or other reasons permission should be given in the interest of justice.

B

However, the said authors, at p. 824, also sounded the warning that the exercise of the discretion must be with sufficient reason. This is what they said:

C

> But the discretion has always to be exercised with caution. It should not be exercised without sufficient reason. The reason should be stated because, by offering a witness, a party is held to recommend him as worthy of credence and so, in general, it is not open to him to test the witness's credit or impeach his truthfulness. Where reasons are not recorded, it would not be a case of valid exercise of discretion under section 154 of the Evidence Act.

D

[35] Saya berpendapat peguam plaintif harus dibenarkan menyoal-balas saksi mereka sendiri untuk menguji sama ada saksi (PW5) berhasrat untuk bercakap benar. lni kerana peguam plaintif telah dapat menunjukkan kepada mahkamah, dalam sesi pemeriksaan utama, bahawa PW5 berkeberatan untuk menjawab soalan-soalan yang diutarakan kepadanya oleh peguam plaintif dan PW5 perlu disoal-balas demi keadilan ("the answers given by PW5 showed that there is a necessity to allow plaintiff's counsel to cross-examine her to find out, in the interest of justice, whether she desires to tell the truth in"). Walau bagaimanapun, selepas mahkamah membenarkan peguam plaintif untuk menyoal-balas PW5 dan selepas mendengar jawapan-jawapan yang diberikan oleh PW5, saya berpendapat bahawa PW5 memang berhasrat untuk bercakap benar dan telah pun bercakap benar dan saya menerima keseluruhan keterangan beliau.

E

F

G

[36] Malangnya untuk plaintif, dari keterangan PW5 yang diberikan semasa disoal-balas oleh peguam plaintif, tidak dapat menyokong kes plaintif. Sebaliknya, keterangan PW5 berjaya menyangkal dakwaan-dakwaan plaintif.

H

[37] Oleh itu, jika diteliti, di atas keimbangan kebarangkalian, plaintif telah gagal membuktikan terdapatnya unsur-unsur bahawa Tuan Hj Ahmat Mohaayen telah menganiayai dan/atau menindas dan/atau mensabotaj dan/atau mendiskriminasi plaintif secara tidak adil dalam temuduga plaintif bagi memohon pekerjaan di MBPJ.

I

Kesimpulan

[38] Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa tiada kes untuk defendan-defendan menjawab ("no case for the defendants to answer") kerana di atas imbangan kebarangkalian, plaintif telah gagal membuktikan kesnya terhadap defendan-defendan. Oleh itu tuntutan plaintif seharusnya ditolak.

Kos

[39] Encik Thanasegaran memohon kepada saya supaya tidak membuat apa-apa perintah mengenai kos atau jika kos dikenakan terhadap plaintif, maka kos sepatutnya nominal sahaja kerana plaintif merupakan seorang pemandu teksi dan tidak mampu membayar kos.

[40] Puan Shazwani Abdul Karim, yang mewakili peguam defendan-defendan, pohon kos sebanyak RM50,000 atas alasan bahawa lima saksi telah memberi keterangan dalam kes ini yang meliputi selama empat hari.

[41] Saya memerintahkan kos sebanyak RM5,000 dibayar oleh plaintif kepada defendan-defendan. Jumlah ini mengambilkira keadaan plaintif yang merupakan seorang pemandu teksi, yang akan, jika kos yang tinggi dibenarkan, membebankan plaintif.

Tiada kes untuk dijawab oleh defendan-defendan. Tuntutan plaintif ditolak dengan kos RM5,000.